

RAMADAN AL-MUBARAK: REBUTLAH FADILATNYA

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ (Surah Al-Baqarah, ayat 183) 


أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah Ta'ala dengan taqwa yang sebenar-benar. Taqwa dalam erti kata melaksana segala perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Sesungguhnya orang yang bertaqwa itu adalah golongan yang mendapat kemuliaan dan tinggi martabatnya di sisi Allah SWT serta berjaya di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT:

زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَيَسْخَرُونَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ اتَّقَوْا فَوْقَهُمْ يَوْمَ

الْقِيَامَةِ ۗ وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ 

Maksudnya: "Kehidupan dunia (dan kemewahannya) diperhiaskan (dan dijadikan amat indah) pada (pandangan) orang kafir, sehingga mereka (berlagak sombong dan) memandang rendah kepada orang yang beriman. Pada hal orang yang bertaqwa (dengan imannya) lebih tinggi (martabatnya) daripada mereka (orang kafir itu) pada hari kiamat kelak. Dan (ingatlah), Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak terkira (menurut undang-undang peraturan-Nya)". (Surah Al-Baqarah, ayat 212)

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Ramadan bulan Al Quran diturunkan, firman Allah SWT:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ ...

Maksudnya: “Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al Quran, yang menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah...” (Surah Al-Baqarah, ayat 185)

Berlumba-lumba beramal soleh dan berbuat kebaikan sebanyak-banyaknya khusus dalam bulan yang penuh rahmat dan barakah ini.

Firman Allah SWT:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّئُهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِنَّ مِمَّا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: “Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya, oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan, kerana di mana sahaja kamu berada, maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan), sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”. (Surah Al-Baqarah, ayat 148)

Sesungguhnya tawaran kelebihan dan fadilat ibadat puasa teramat istimewa kepada umat Islam , sebagaimana dijelaskan dalam Hadith, dari Abu Hurairah RA katanya: Aku ada mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Allah A’zza wa Jalla berfirman maksudnya: Segala amal bakti anak Adam (manusia) adalah untuknya, kecuali amalan puasa, (maka) ia adalah untuk-Ku dan Aku-lah yang membalasnya (dengan balasan yang sebaik-baiknya)...”. (HR Muslim)

Berdasarkan maksud Hadith ini, jelas bahawa pahala ibadah puasa itu amat besar di sisi Allah SWT. Kerana orang yang berpuasa dengan ikhlas kerana Allah Ta’ala hanya Allah SWT sahaja yang tahu bahawa dia benar-benar berpuasa.

Beruntunglah orang yang berpuasa dan sentiasa berusaha merebut serta berlumba-lumba menambahkan amal soleh, amal ibadat wajib dan sunat serta melakukan sebanyak mungkin kebaikan, kerana sesungguhnya pahala setiap amal soleh itu akan digandakan di sisi Allah SWT sehingga 70 kali ganda.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “...Sesiapa mendampingkan diri kepada Allah dalam bulan Ramadan dengan suatu dari perkara-perkara kebajikan samalah seperti dia mengerjakan satu perintah Allah yang diwajibkan pada bulan-bulan yang lain dan sesiapa yang menunaikan satu perkara yang diwajibkan Allah pada bulan itu samalah seperti dia menunaikan tujuh puluh perkara yang diwajibkan Allah pada bulan-bulan yang lain...”. (HR Ibnu Khuzaimah dalam Kitab Sahihnya)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Jika usia kita hari ini 30, 40 atau 50 tahun, bermakna kita sudah berpuasa antara 15, 25 atau 35 kali. Apakah kesan terbesar ibadah puasa Ramadan ini kepada diri, sikap, sahsiah, akhlak, iman dan taqwa kita. Sesungguhnya ibadah puasa itu amat berkesan dalam membentuk peribadi, sahsiah, akhlak, kesihatan dan kehidupan umat Islam, sebab ibadah puasa itu mempunyai fadilatnya khusus kepada orang yang berpuasa dengan iman dan ikhlas semata-mata kerana Allah Ta'ala.

Marilah kita renung, hayati dan amalkan segala amal soleh dan amal ibadah bagi memperolehi fadilat dan kebaikan ibadah puasa kepada orang yang berpuasa, antaranya, ialah:

1. Puasa menghapus dosa, hal ini dijelaskan dalam sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Sesiapa yang berpuasa dengan penuh iman dan berazam bersungguh-sungguh, Allah mengampun dosa-dosanya yang telah lalu dan sesiapa yang bersolat pada malam Lailatul-Qadar dengan penuh iman dan berazam bersungguh-sungguh, Allah mengampunkan dosa-dosanya yang telah lalu"*. (HR Al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, At-Tirmizi dan An-Nasa'ie)
2. Orang berpuasa pasti akan dikurniakan kesihatan, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"...berpuasalah nescaya kamu menjadi sihat dan menggembaralah nescaya kamu menjadi kaya..."*. (HR At-Thabrani)
3. Solat malam dibalas syurga. Sabda Rasulullah SAW lagi, yang bermaksud: *"Wahai manusia, sebarluaskanlah ucapan salam dan berilah makan serta solatlah pada waktu malam ketika manusia sedang tidur, nescaya kamu akan masuk syurga dengan selamat"*. (HR Imam At-Tirmizi)
4. Qiamul-lail atau berjaga malam untuk beribadah seperti Solat Sunat Tarawih, tadarus Al-Quran, Solat Tahajud, berzikir, istighfar, bertasbih, tahmid dan lain-lain mencegah perbuatan keji, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Hendaklah kamu sentiasa menghidupkan malam, sesungguhnya amalan ini adalah amalan orang solihin sebelum kami, ia adalah mendekatkan diri kepada Tuhan kamu, menghapuskan dosa dan menegah daripada melakukan amalan keji"*. (HR Imam At-Tirmizi)
5. Syafaat puasa dan banyak membaca Al-Quran, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Puasa dan Al-Quran memohon syafaat kepada Allah pada hari Kiamat bagi orang yang berbakti (yang selalu berpuasa dan banyak pula membaca Al-Quran)..."*. (HR Imam Ahmad dan lain-nya)
6. Memperolehi limpahan rahmat bagi orang yang bertadarus membaca Al-Quran sepanjang bulan Ramadan, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"...dan tidak berhimpun suatu kaum dalam sebuah rumah (masjid atau surau) dari rumah-rumah Allah, sedang mereka membaca Kitabullah (Al-Quran) serta mereka mempelajari kandungannya, melainkan turun kepada mereka semangat tenang tenteram dan mereka diliputi oleh limpahan rahmat, mereka pula dilingkungi oleh Malaikat serta mereka juga dipuji oleh Allah Ta'ala dalam kalangan (Malaikat) yang ada di sisi-Nya"*. (HR Muslim)
7. Terselamat dari bakaran api neraka. Dari Abu Said Al-Khudri RA berkata: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Tidaklah seorang hamba berpuasa satu hari di jalan Allah, melainkan dengan puasa satu hari itu, Allah menjauhkan wajahnya dari api neraka sejauh perjalanan tujuh puluh tahun"*. (HR Muttafuqun A'laihi)

Ketahuiilah, bahawa Allah SWT mengurniakan hamba-hamba-Nya yang beriman dengan bulan Ramadan penuh rahmat dan barakah ini, ia hanya sebulan dalam setahun. Oleh itu, sebagai umat Islam yang beriman marilah kita rebut dan cari segala peluang dan tawaran yang terbaik ini dengan mengisi sebulan Ramadan ini sebanyak-banyak amal ibadah, amal soleh dan kebajikan seperti qiamul-lail, tadarus Al-Quran, sedekah, hadir majlis ilmu dan lain-lain.

Namun, sia-sialah dan rugilah orang yang berpuasa tetapi sekadar lapar dahaga sahaja, berqiamul-lail sekadar berjaga malam sahaja, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Boleh jadi seorang yang berpuasa untung daripada puasanya sekadar lapar dan dahaga dan boleh jadi seorang yang solat malam (berqiamul-lail) untungnya sekadar berjaga malam”*. (HR Imam Ahmad dan Al-Hakim)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Bangun menghidupkan malam terutama malam-malam 10 terakhir di bulan Ramadan.

Firman Allah SWT:

يٰٓأَيُّهَا الْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمْ أَيْلَ إِلَّا قَلِيلاً ﴿٢﴾ نِصْفَهُ أَوْ أَنْقِصْ مِنْهُ قَلِيلاً ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤﴾
﴿٥﴾ إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلاً ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Wahai orang yang berselimut, bangunlah menghidupkan malam kecuali sedikit (untuk istirahat). Iaitu separuh atau kurang sedikit dari separuh. Atau lebih sedikit daripadanya dan bacalah Al-Quran dengan bacaan yang baik (tartil). Sesungguhnya Kami akan turunkan ke atas mu (wahai Muhammad) wahyu yang mengandungi perintah yang berat”*. (Surah Al-Muzzammil, ayat 1-5)

Fadilat 10 malam yang terakhir dari bulan Ramadan, iaitu 20 hingga 30 Ramadan serta malam Lailatul-Qadar, malam seribu bulan pada malam-malam ganjil 21 hingga 29 Ramadan. Kerana itu Rasulullah SAW menganjurkan umatnya supaya meningkatkan amal ibadah di malam-malam 10 yang terakhir itu, sebagaimana sabdanya yang bermaksud: *“Carilah malam Lailatul-Qadar itu pada malam-malam yang ganjil di sepuluh malam yang akhir di bulan Ramadan”*. (HR Al-Bukhari)

Sabdanya lagi, yang bermaksud: *“Hendaklah kamu mencari Lailatul-Qadar di sepuluh malam yang akhir, sekiranya kamu merasa sukar atau ada keuzuran maka janganlah kamu tinggalkan tujuh hari yang baki”*. (HR Muslim)

Manakala tanda malam Lailatul-Qadar, antaranya pada malam itu penuh ketenangan, tidak panas, tidak sejuk dan waktu paginya cahaya matahari merah kesuraman, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Malam Lailatul-Qadar adalah malam yang penuh ketenangan, tidak terlalu panas, tidak terlalu sejuk, waktu paginya matahari yang terbit cahaya paginya merah kesuraman”*. (HR Al-Baihaqi)

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Demikianlah, kelebihan bulan Ramadan dan ibadah puasa yang dikurniakan Allah SWT khusus kepada hamba-hamba-Nya yang beriman yang mengerjakan ibadah puasa dengan ikhlas semata-mata kerana Allah Ta'ala.

Mudah-mudahan dengan segala kesungguhan dan ketekunan kita beramal ibadah sepanjang bulan Ramadan ini kita akan mencapai darjat hamba Allah yang benar-benar bertaqwa serta istiqamah tanpa jemu beramal ibadah dan beramal soleh sehingga ke akhir hayat kita, hidup dan mati kita dalam taqwa, iman dan Islam, sebagaimana Allah SWT:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۚ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam". (Surah Ali l'mran, ayat 102)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.